

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 APRIL 2017

# RM1j naik taraf PLPP jadi pusat kecemerlangan OKU

BH - 13/4/2017

➔ Peruntukan khas digunakan beli peralatan, mesin pemulihan, rawatan fisioterapi

## ✦ Bangi

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan bahawa kerajaan meluluskan peruntukan khas RM1 juta untuk menaik taraf Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi bagi menjadikannya pusat kecemerlangan orang kurang upaya (OKU) moden.

Beliau mengumumkannya ketika meluangkan masa sejam melawat PLPP itu, institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memberi perkhidmatan kepada OKU melalui latihan vokasional dan pemulihan perubatan.

Najib berkata, peruntukan itu akan digunakan untuk membeli peralatan, mesin pemulihan dan rawatan bagi tujuan fisioterapi serta menaik taraf pusat hidroterapi PLPP berkenaan.

“Kerajaan sentiasa berusaha me-



**Najib mendengar penerangan ketika melawat bengkel kemahiran dan pemulihan PLPP, di Bangi semalam.**

wujudkan sebuah masyarakat yang prihatin dan penyayang dan seimbang supaya setiap insan terbela termasuk golongan OKU.

### Lebih maju, moden

“Hari ini (semalam), saya memberi kelulusan dana sebanyak RM1 juta kepada pusat ini. Mudah-mudahan dengan peruntukan ini, PLPP akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan OKU yang lebih maju dan moden, selain dapat memberi masa depan lebih bermakna kepada golongan itu,” katanya.

Dalam lawatan itu, Najib yang diiringi Pengarah PLPP, Ismail Arul Raj Amirudin, melawat ke bengkel prostetik dan ortotik, pusat hidroterapi, bengkel pembuatan kerusi roda serta gimnasium selain beramah mesra dengan pelajar dan pengajar.

Beliau memuji pusat itu yang menjalankan kerja-kerja dengan amat baik di mana golongan OKU



Kerajaan sentiasa berusaha mewujudkan sebuah masyarakat yang prihatin dan penyayang dan seimbang supaya setiap insan terbela termasuk golongan OKU”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

diberi latihan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan melakukan pamadanan kerja.

“Di samping itu, mereka juga mengeluarkan produk seperti prostetik dan ortotik untuk dipasarkan.

### Wujud peluang pekerjaan

“Saya memberi persetujuan pusat ini dapat memasarkan produk itu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan mereka mendapat pendapatan, selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada OKU di sini,” katanya.

Najib turut tertarik dengan produk yang dihasilkan di pusat itu termasuk kerusi roda F1.

“Kerusi roda F1 ini canggih dan reka bentuknya cukup menarik. Ini merupakan inovasi yang mereka lakukan dan mempunyai potensi untuk dipasarkan,” katanya.